

“AL-QAWWŪL AL-MAFĪD LI FĀDAT AL-MUSTAFĪD”

“Al-Qawwūl al-Mafīd....”ialah nama sebuah risalah karangan Tuan Abū ‘Abdul ‘Azīz Muḥammad bin Idrīs (seorang guru agama di Kelantan). Risalah yang tersebut setelah saya tetap dan kaji dengan halusnya, maka nampaknya segala dalil-dalil dan sandaran-sanadarn yang dialaskan itu sangat daif dan uzur. Selain daripada itu boleh juga mengelirukan pembaca-pembaca dalam perkara-perkara bida‘ah yang seolah-oleh terbalik menjadi sanat pula. Sudah barang tentu dengan tersiarnya risalah itu bukan sahaja membayakkan dan menggemarkan umat Melayu pada mengajarkan bida‘ah, bahkan lebih-lebih lagi boleh merosakkan masyarakat dan iktisad umat Melayu yang sedang kucar kacir dan huru hara- padahal dalam perkara bida‘ah Rasulullah sudahpun memberi amaran dengan sabdanya yang bermaksud: “berjaga-jagalah kamu daripada bidah‘ah itu sesat dan tiap-tiap yang sesat itu di dalam neraka”- demikian kata Tuan penulis rencana ini dan seterusnya perhatilah seperti di bawah ini.-P.

(oleh Isma‘īl Ḥalī)

Oleh memandang kebijakan am maka saya menulis pandangan ini, supaya orang ramai tidak terkeliru terhadap risalah itu, apalagi kerana menuaikan perintah Allah menyuruh dengan perkara-perkara yang baik dan menegah akan perkara-perkara yang mungkar.

Dari tu saya suka membawa tuan-tuan pembaca sekalian dengan satau dalil buat membuktikan kedaifan sandaran-sandaran yang disajikan oleh pengarang itu- di antara kandungan-kandungan risalah itu hanya saya pilih tentang Maulid Nabi (SAW). Kata pengarang risalah itu di muka 24 di antara lain-lain bunyinya deikian:

“.....buat Maulid dan berhimpun manusia bagi buat Maulid itu suatu kelakuan yang dielok-elokkan.

Difahamkan dari bayangan kata-kata itu maka terasalah pada saya darjahnya sekurang-kurang kalau tidak wajib pun sanat.

Oleh itu sebelum saya salinkan nas-nas daripada ulama

yang terkemuka dalam empat mazhab yang mengatakan bahawa perbuatan maulid dan demikian juga berdiri pada masa menyebut pernakan Nabi (SAW) bida‘ah ḫalālah. Maka saya kemukana kepada tuan-tuan satu pandangan pendahuluan yang bersangkut paut denganannya supaya tuan-tuan akan dapat penjelasan atau perbandingan. Yang saya percaya tuan-tuan boleh mengagak dengan sendiri betapakah salahnya perbuatan maulid itu sebelumnya tuan-tuan membaca nas-nas yang akan dijelaskan di bawah nanti.

Mengikut setahu saya iaitu tiap-tiap satu perkara dalam agaa Islam yang tidak didapati dalil daripada al-Quran, atau sanat Nabi, atau ijmak amat dalam masa *khayr al-Qarūn* maka perkara itu menunjukkan tidak ada asal sedikit pun dalam agama. Jadi perkara maulid sudah tenti tidak terdapat dalam perkara-perkara yang tersebut bahkan terciptanya pada waktu

(sambungan pada muka 34)

yang dikatakan “Shar al-Qarūn” iaitu sesudah enam kurun (600 tahun) sesudah wafatnya Rasulullah.

Di sini saya peturunkan nas-nasnya.

(1) Imam Naṣīr al-Dīn al-Shāfi‘ī ada berkata

(dalam kitab *Shar‘at al-Ilāhiyat*) tatkala menjawab satu pertanyaan: “*La yaf‘al lanah lam yanqal ‘an al-salaf al-ṣāliḥ wa innamā ḥadīth ba‘da al-qarūn al-thalāthah fī al-zamān al-ṭāliḥ wa naḥnu la natba‘ al-khalif fīmā ahmal al-salaf lanah yakfī bihum illa tibā‘i fa‘iyya ḥājat alā illa batdā‘*”.

(2) Telah berkata al-Hafīẓ Abū al-Ḥasan bin

Faḍīl al-Mālikī dalam kitab (*Jāma‘ al-Masa‘il*) yang ibaratnya lebih kurang seperti di atas:

“*An ‘amal al-mawlid lima yanqal ‘an al-salaf al-ṣāliḥ wa innama ahadīth ba‘da qarūn al-thalāthah fī min al-ṭāliḥ wa naḥnu la natba‘ al-khalif fīmā ahmal al-salaf lanah yakfī bihum illa tibā‘i fa‘iyya ḥājat alā illa batdā‘*”.

(3) Telah berkata Shaykh ‘Abdul Raḥmān Maḡribī al-Ḥanafī dalam fatwa demikian:

“*An ‘amal mawlid bida‘at lima yaqalbuhu wala yaf‘aluhu rasūl Allāh (S), wa al-khulafā‘ al-rāshidūn wa al-a‘immah al-rabi‘at*”.

(4) dan telah berkata ulama Sharīf al-Dīn Aḥmad Hambalī dalam kitab (*al-qawwūl al-mu‘tamad*) demikian:

“*An ma ya‘mul ba‘di al-amrā‘u fī kulsanat aḥtafā la lam waladahu (S), fama‘ ishtamālahu ‘alā al-tukallifatū al-shanīf‘at bināfsih bida‘at aḥdithah min yatba‘ huwā hu wala ya‘lamu mā amruhu ṣāḥib al-shari‘at wan hāh*”.

Makna-makna dan tujuannya secara ringkas dan lebih kurang dari nombor satu hingga empat adalah seperti di bawah ini:

(1) “Istiadat maulid tidak diperbuat oleh orang-orang salih yang terdahulu-bahkan diadakan oleh mereka yang terkemudian lepas (kurun yang ketiga) iaitulah masa kedudukan agama sedang terancam, dari itu tak patut sekali-kali kita meneladani orang-orang ini, padahal tidak



Bung bin Zainal (kanan), dan Harun Abdul Ghani dua anak yatim dari rumah yatim persatuan muslimin trust fund Singapura yang telah dipilih oleh jabatan pelajaran menjadi guru pelatih di sekolah-sekolah Melayu Singapura.

*

dibuat oleh al-Salaf al-Ṣalih.

Keterangan nombor dua sama lebih kurang seperti di atas (nombor satu). Oleh itu saya teruskan kepada nombor tiga:

(3) “Bahawa sesungguhnya mengadakan maulid itu satu perkara yang bida‘ah. Rasulullah tak pernah memperbuatnya demikian juga al-Khulafā‘ al-Rāshidūn, dan al-Ulama al-Arbī‘at (Imam Shafī‘ī, Abū Ḥanīfah Mālik, dan Ḥanbalī)”

(4) “sesungguhnya melakukan istiadat maulid yang pernah dibuat oleh setengah-setengah raja dan pembesar-pembesar kononnya kerana menghormati hari peranakan Nabi itu, ialah satu perbuatan yang bida‘ah, dan mengandungi perbuatan-perbuatan yang membahayakan. Perbuatan ini diadakannya oleh mereka yang semata-mata mengikut kehendak nafsu dan tidak mengetahui sama ada disuruh atau ditegah oleh Nabi”.

Demikianlah juga beridri waktu menyebut peranakan Nabi, al-‘Alamah Muḥammad Min ‘Alī al-Dimashqī (guru kepada Jalāl al-Dīn al-Sayūtī) ada menegaskan, yang ebrmaksud dalam bahasa Melayunya demikian: “banyak sangat berlaku di antara orang-orang yang kesaihkan...apabila sahaja mereka mendengar kelahiran Rasulullah disebutkan lalu mereka berdiri kerana memuliakannya. Tidak syak lagi perbuatan sedemikian ini bida‘ah, dan tidak ada dalam agama”.

Begitulah bunyinya kata-kata dan tegasan-tegasan yang saya percaya dengannya tuan-tuan sudah mendapat keterangan yang seterang-terangnya. Di samping itu pula dapatlah tuan-tuan memperkatakan apa yang sebenarnya “istiadat maulid” itu pada pandangan agama.

Dari itu patutlah kepada kita sebagai umat yang ingin maju dan tinggi, marilah kita bersama-sama dikaburkan mana-mana juga perbuatan yang dipandang melampaui dari kehendak-kehendak agama. Dan sebaliknya hendaklah kita menghidupkan perkara yang besar-besar dan disuruh olehnya, mudah-mudahan dengan cara ini khurafat-khurafat yang bercampur aduk dan yang sedang bermaharajalela dalam agama akan terlenyap dengan secepat mungkin.

Kita pun telah maklum dengan adanya perkara-perkara inilah yang menyebabkan umat Melayu khasnya dan Islam amnya telah ketinggalan dan jatuh ke lembah derita, baik pun dalam bahagian kebangkitan agama, kemuliaan masyarakat dan kekayaan iktisad padahal semuanya itu adalah hak Islam yang tak boleh dipisah-pisahkan. Oleh itu wajiblah tiap-tiap seorang membasmikan khurafat-khurafat yang ditimbulkan oleh kebanyakan guru-guru agama di sekitar alam seraya ini. Tetapi walaubagaimanapun, kebenaran tetap timbul, dan batil akan hilang juga, sekianlah wassalam.

[Kita tidak bersetuju dengan keterangan Tuan Isma‘il Halmī yang sambutan maulid Nabi setahun sekali itu bida‘ah atau khurafat, atau berbahaya, atau pun merugikan iktisad.

Pertama, alim ulama yang disalinkan keterangan mereka seperti yang tersebut du atas tidak mesti ditelan semua alasan mereka. Keterangan mereka yang mengatakan sambutan maulid Nabi itu suatu bida‘ah tidak mesti dipandangan sebagai “wahi suci” yang sayogia ditelan bulat-bulat.

Kedua, sambutan maulid Nabi tidak ada siapa yang mengatakan suatu bida‘ah yang wajib maka sebab itu boleh dicop dengan kata-kata

“bida‘ah” dan sebagainya, hanyasanya yang sebenarnya ialah suatu adat istiadat yang elok yang patut dikekalkan kerana mengingati hari zahir Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam. Pengarang risalah itu hanya mengatakan sambutan maulid Nabi (SAW) “sesuatu kelakuan yang dielok-elokkan”. Maksudnya seperti yang kita katakan di atas: suatu adat kelaziman yang mubah dan hala dikerjakan bahkan sangat elok dikerjakan dengan sebesar-besarnya kerana menghidupkan semangat keislaman dan menebalkan cinta kasih umat Islam kepada junjungan ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam, dengan syarat sambutan itu suci dari perbuatan yang mungkar.

Banyak perkara bida‘ah dan khurafat dalam masyarakat kita yang wajib dihapuskan dan sangat berkehendak kepada usaha orang-orang Uslam seperti Tuan Isma‘il Halmī, sila mulai dari sekarang. Bahkan di dalam risalah “al-Qawwul al-Mafid” yang tersebut banyak masalah yang mengelirukan yang sayogia dikupas kerana faedah ramai, Tuan Isma‘il sila kerjakan dan kita sedia menyiarannya. Pengarang Qalam.]



Presiden Sukarno sedang beramah tamah dalam suatu perjumpaan hari raya.